

ANPRODEX TABLETS

Dexchlorpheniramine (2mg)

Apakah yang ada pada risalah ini:

1. Apakah kegunaan Anprodex Tablets
2. Bagaimana Anprodex Tablets berfungsi
3. Sebelum menggunakan Anprodex Tablets
4. Cara menggunakan Anprodex Tablets
5. Semasa menggunakan Anprodex Tablets
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Anprodex Tablets
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Anprodex Tablets

Dexchlorpheniramine maleate diguna untuk merawat simpton berkaitan dengan:

- rinitis (keradangan dalam hidung) alergi jenis bermusim dan sepanjang tahun.
- rinitis vasomotor (bukan alergik)
- konjuktivitis alergi (radang selaput mata)
- manifestasi gegata kulit ringan dan tidak rumit dan angioedema (bengkak di bawah kulit)
- reaksi alergik terhadap plasma darah.
- keadaan kulit seperti *allergic eczema* (keadaan kulit yang gatal dengan kemerahan, bengkak, bercecair, berkulit tebal yang boleh menjadi bersisik), *atopic dermatitis* (sejenis *eczema*), *contact dermatitis* (keradangan disebabkan oleh sentuhan dengan bahan asing), gigitan serangga, *dermographism* (suatu keadaan di mana menyentuh atau menggaru dengan ringan pada kulit yang boleh menyebabkan tanda kemerahan timbul) dan reaksi ubat.

Bagaimana Anprodex Tablets berfungsi

Ia mengandungi bahan aktif dexchlorpheniramine maleate. Dexchlorpheniramine maleate adalah antihistamin. Histamin adalah bahan

kimia yang dilepaskan ke dalam badan semasa reaksi alergik yang menyebabkan gatal-gatal dan keradangan.

Anprodex Tablets berfungsi dengan menyekat kesan kimia semula jadi histamin pada badan anda.

Sebelum menggunakan Anprodex Tablets

-Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda alergik (hipersensitif) kepada dexchlorpheniramine maleate atau antihistamin lain atau sebarang kandungan dalam Anprodex Tablets.
- Jika anda sedang menerima rawatan kemurungan, terapi perencat monoamine oxidase (MAOIs).
- Jika anda sedang menyusu bayi.

-Sebelum menggunakan Anprodex Tablets

Anda harus beritahu doktor anda sekiranya:

- Anda alergi terhadap ubat yang anda pernah ambil untuk merawat keadaan semasa anda.
- Anda hamil, atau sedang cuba untuk hamil atau sedang menyusu anak.
- Anda mengalami masalah peningkatan tekanan dalam mata.
- Anda mengalami halangan pyloroduodenal (halangan pada saluran perut).
- Anda mengalami halangan saluran kencing.
- Anda menghidap penyakit kardiovaskular, termasuk tekanan darah tinggi dan kadar denyutan jantung meningkat.
- Anda mengalami penyakit dimana penghasilan hormon tiroid yang berlebihan oleh kelenjar tiroid yang aktif.

-Jika mengambil ubat-ubatan lain

Anda harus beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda baru-baru ini pernah atau sedang mengambil mana-mana ubat di bawah:

- Perencat Monoamine oxidase (MAOIs) – tekanan darah rendah yang serius mungkin terjadi.
- Alkohol, tricyclic antidepressants, barbiturates atau penekan sistem saraf pusat yang lain – mungkin meningkatkan kesan sedatif dexchlorpheniramine.
- Oral anticoagulants – tindakan mungkin direncat oleh antihistamin.

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda sedang mengambil mana-mana ubat, termasuk tonik herba, makanan tambahan dan ubat yang dibeli tanpa preskripsi.

Cara menggunakan Anprodex Tablets

Sentiasa mengambil ubat dengan tepat seperti yang diberitahu oleh doktor anda. Anda perlu merujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda tidak pasti.

-Berapa banyak harus digunakan

Dewasa
2mg 3 hingga 4 kali sehari.

Maksimum: 12mg/hari

Kanak-kanak

Umur 12 tahun dan ke atas: 2mg

3 hingga 4 kali sehari

Maksimum: 6mg/hari

Umur 6 – 12 tahun: 1mg 3 hingga 4 kali sehari

Maksimum: 6mg/hari

Anprodex Tablets adalah tidak disyorkan pada bayi pramatang atau baru lahir.

-Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Ambil ubat ini melalui mulut.

-Berapa lama perlu digunakan

Terus menggunakan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

- Sekiranya anda lupa satu dos, ambil dos itu dengan segera.

- Tetapi, sekiranya telah hampir masa untuk dos yang berikutnya, abaikan dos yang terlepas.
- Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang dilupa.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Ia boleh mengakibatkan pengujaan yang tidak normal dikalangan kanak-kanak, dan boleh menyebabkan khayalan, koma dan kematian jika terlebih dos.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda berfikir anda atau sesiapa sahaja yang mungkin terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Anprodex Tablets

-Perkara yang perlu dilakukan

- Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Anprodex Tablets.
- Hubungi doktor jika gejala anda bertambah buruk atau tiada perubahan.
- Beritahu doktor anda sekiranya anda hamil semasa mengambil Anprodex Tablets.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan beri Anprodex Tablets kepada orang lain walaupun simptom mereka seolah-olah serupa ataupun mereka mempunyai keadaan yang sama seperti anda. Doktor anda telah mempreskripsikan Anprodex Tablets untuk anda dan keadaan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Anda harus berhati-hati semasa melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang memerlukan kewaspadaan mental, memandu kereta atau mengendalikan peralatan, mesin dan lain-lain.

Antihistamin mungkin menyebabkan pening, sedasi dan tekanan darah

rendah pada orang yang melebihi umur 60 tahun.

Kesan-kesan sampingan

Seperti kebanyakan ubat, Anprodex Tablets mempunyai kesan sampingan walaupun bukan semua orang yang mendapatnya. Kesan-kesan sampingan berikut mungkin terjadi dengan ubat ini.

- Keadaan mengantuk ringan hingga sederhana adalah kesan sampingan yang paling biasa dengan dexchlorpheniramine maleate.
- Kesan sampingan umum: urtikaria, ruam daripada ubat, kejutan anafilaktik (reaksi alergik yang boleh membawa maut), fotosensitiviti, perpeluhan berlebihan, seram sejuk, kekeringan mulut, hidung dan kerongkong.

Berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda was-was atau untuk mendapatkan maklumat selanjutnya.

Sekiranya mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau anda mengalami kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers→Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Anprodex Tablets

-Penyimpanan

Jangan guna selepas tarikh tamat tempoh yang dinyatakan pada bungkusan. Tarikh tamat tempoh merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Anprodex Tablets patut disimpan dalam bungkusan asal pada tempat yang kering.

Simpan dibawah suhu 30°C dalam bekas yang ditutup rapat. Lindungi daripada cahaya, kepanasan dan kelembapan.

Jauhkan daripada kanak-kanak.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui sisa air atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara-cara pelupusan ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Tablet ini berwarna merah, berbentuk bujur dan leper dengan garis skor.

-Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

Setiap tablet mengandungi 2mg bahan aktif, dexchlorpheniramine maleate.

Bahan tidak aktif:

Bahan-bahan lain adalah lactose, corn starch, sodium starch glycolate, povidone K-30, magnesium stearat, allura red AC dan isopropyl alcohol.

-Nombor MAL:

MAL06051328AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Malaysian Pharmaceutical Industries Sdn. Bhd.

Plot 14, Lebuhraya Kampung Jawa, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

14/06/2022

Nombor Siri

BPFK(R4/1)100417/0072